

SUMBANGAN BERPANJANGAN

YABHG. TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI:

MEMPERKASA WAKAF DAN ZAKAT UNTUK MALAYSIA MODEN

Pemergian Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 14 April 2025 merupakan satu kehilangan yang amat besar buat negara. Sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima, beliau merupakan seorang negarawan ulung yang telah banyak berjasa dalam memperkukuh sistem pentadbiran negara serta memperkasa institusi Islam Malaysia.

Di bawah kepimpinan beliau, pelbagai inisiatif penting telah diperkenalkan, termasuklah pendekatan Islam Hadhari yang menjadi panduan penting dalam pembinaan sebuah negara maju berlandaskan nilai-nilai Islam yang progresif dan inklusif. Pendekatan ini menekankan prinsip keseimbangan antara pembangunan fizikal dan rohani, keadilan sosial serta integriti pentadbiran.

Antara pembaharuan yang telah dilaksanakan ialah penubuhan Jabatan, Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2004 bagi menyelaraskan pengurusan hal ehwal sosioekonomi Islam secara lebih sistematik dan berkesan. Wakaf dan zakat bukan terhad sebagai tanggungjawab agama, tetapi sebagai satu instrument sosioekonomi yang amat penting. Matlamatnya adalah untuk memanfaatkan potensi kedua-dua instrumen ini dengan lebih berkesan untuk pembangunan negara, pembasmian kemiskinan dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia. Sehingga kini, JAWHAR telah berjaya melaksanakan

peranannya sebagai penyelarar pusat, perancang dasar dan pemacu amalan baik dalam pengurusan wakaf, zakat dan haji/umrah di peringkat nasional.

Institusi Baharu, Fokus Diperkemas

Diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, penubuhan JAWHAR bukan untuk mengambil alih kuasa Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN), yang mana kekal dengan bidang kuasa masing-masing sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya, JAWHAR ditubuhkan bagi memberi tumpuan kepada perkara seperti untuk menggalakkan MAIN menguruskan aset wakaf dengan lebih produktif. Ini bermakna beralih daripada sekadar menyelenggara tanah dan harta wakaf sedia ada kepada membangunkannya secara aktif dalam 5 sektor iaitu ekonomi, pendidikan, sosial, perumahan dan kesihatan dengan membina klinik, hotel, kedai atau kemudahan pendidikan. Pembangunan tanah wakaf melalui pelbagai projek fizikal dapat menjana pendapatan berterusan dan memberi manfaat yang lebih luas kepada masyarakat. Konsep Baharu seperti wakaf tunai, yang membolehkan orang ramai menyumbang wang sebagai dana wakaf turut digalakkan.

Melengkapi usaha ini, **Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)** telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah JAWHAR. Penubuhan YWM bertujuan untuk bertindak dalam aspek operasional sebagai badan berwakaf kebangsaan bagi menggembelng dana wakaf terutamanya wakaf tunai dan melaksanakan projek pembangunan wakaf berskala lebih besar

merentasi sempadan negeri, seterusnya melonjakkan potensi instrument unik Islam ini ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Mempertingkatkan Pengurusan Zakat

Bagi aspek zakat pula, walaupun kutipan dan agihan kekal di bawah bidang kuasa negeri. JAWHAR menyediakan platform penting dari aspek penyelaras di peringkat Persekutuan. Ini memudahkan perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik dalam kalangan Pusat Zakat Negeri bertujuan mencapai kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi dalam pengurusan dana zakat.

Penekanannya jelas iaitu memastikan kutipan zakat termasuk daripada syarikat korporat adalah cekap dan agihannya sampai kepada penerima yang layak (asnaf) secara berkesan. Zakat semakin dilihat dan disepadukan sebagai komponen utama dalam strategi nasional untuk menangani masalah kemiskinan tegar dan menyediakan jaringan keselamatan sosial yang lebih berkesan.

Legasi Berterusan

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan semasa pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi menandakan satu titik perubahan yang amat signifikan kepada pengurusan sosioekonomi Islam. Ia merupakan usaha bersepadu untuk menginstitusikan, memprofesionalkan dan

menyepadukan wakaf dan zakat ke dalam kerangka pembangunan sosioekonomi arus perdana Malaysia.

Dengan penubuhan badan persekutuan yang khusus dan mempromosikan pemikiran berorientasikan pembangunan di bawah sosioekonomi Islam, legasi pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi telah meletakkan asas yang lebih kukuh dan mampan bagi keperluan kelestarian institusi-institusi penting Islam ini untuk berkhidmat dengan lebih baik serta bersistematik untuk keperluan Ummah dalam abad ke-21.